

MAWADDAAH II

KONSEP SYARIAH YANG DIGUNAKAN

a) **Tabarru'**

Pelan ini menggunakan konsep Tabarru' (derma) di mana Peserta-peserta bersetuju untuk mendermakan atau menyumbangkan sebahagian tertentu dari sumbangan untuk Dana Risiko Peserta (DRP) untuk tujuan saling bantu-membantu dan bantuan kepada Peserta, jika diperlukan.

b) **Wakalah**

Pelan ini menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana Peserta-peserta melantik Kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP). Peserta juga bersetuju untuk membenarkan Kami untuk mewakili hak-hak, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan Kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami anggap sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk mengurus dan melabur DRP, dengan syarat bahawa, dengan perwakilan sedemikian, Kami akan kekal bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap Peserta.

c) **Dana Risiko Peserta (DRP)**

Sumbangan ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebihan pengunderaitan daripada DRP, akan diagihkan mengikut polisi lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. 50% daripada sebarang lebihan yang diagihkan akan dikongsi di antara peserta-peserta yang sijilnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami kerana mengendalikan dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak upah yang menentukan asas pengagihan perkongsian lebihan.

Perkongsian lebihan yang diagihkan kepada peserta adalah terkumpul dalam dana berasingan. 85% daripada keuntungan pelaburan dana berasingan akan dikongsi di kalangan peserta-peserta, di mana sijilnya masih berkuat kuasa, and baki 15% akan dibayar kepada Kami berasaskan kontrak Mudarabah. Mudarabah adalah kontrak persetujuan bersama di antara Kami dan peserta untuk keuntungan pelaburan. Dana berasingan tersebut akan dibayar pada tarikh tamat tempoh sijil, atau jika diminta oleh peserta pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh sijil dengan syarat amaun yang diminta adalah sekurang-kurangnya RM500.